

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL: PERSEKSI PENGURUS UDANG FEWA GLOBAL VENTURE (FGV) DI BELDA SAHARIS,
LAHAD DATU TERHADAP KELAKUKSAKAN PERIJINAN FUNDAMENTAL ON SUSTAINABLE FARM
OL (FSF), DALAM ISU KONSEPTEKAN ALAM SEKITAR

IJAZAH: IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN DENGAN KEPUSIH KEPUJIAN

SAYA: SITARCENTHA BINTI RITING @ SICIN SESI PENGAJIAN: 2010 / 2011
 (HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


Disahkan oleh:
 NORAZLYNNE MOHD. YOHAN @ JACKLYNE
 PUSTAKAWAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: 1101, BLOCK G,
SATUWAT 3, P/S 285 PCS
CENDERAWASIH, 91150
LAHDATU, SABAH

TARIKH: 16 JAN 2014

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)


 DR ABDUL RAHIM BIN ALIANG
 Pensyarah / Penasihat Akademik
 Sekolah Pertanian Lestari
 Universiti Malaysia Sabah
 (NAMA PENYELIA)

TARIKH: 16/01/2014

Catatan:

- *Potong yang tidak berkenaan.
- *Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
- *Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelelidikan atau disertai



**PERSEPSI PENGURUS LADANG FELDA GLOBAL VENTURE (FGV) DI
FELDA SAHABAT, LAHAD DATU TERHADAP KEBERKESANAN
PERSIJILAN *ROUNDTABLE ON SUSTAINABLE
PALM OIL (RSPO)* DALAM ISU
KELESTARIAN ALAM
SEKITAR**

STEARONTHIA BINTI RITING @ SIRIN

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS PERTANIAN
DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM PENGETAHUAN TANAMAN
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa disertasi ini tidak pernah atau sedang dihantar untuk perolehi ijazah dari universiti ini atau mana universiti yang lain.



Stearonthia binti Riting @ Sirin

BR10110077

Tarikh: 16 Disember 2013



DIPERAKUKAN OLEH


- 1 Dr. Abdul Rahim Awang
PENYELIA


DR ABDUL RAHIM BIN AWANG
Penyayarah / Penasihat Akademik
Sekolah Pertanian Lestari
Universiti Malaysia Sabah


- 2 En. Assis Bin Kamu
PENYELIA BERSAMA


ASSIS KAMU
PENSYARAH / PENASIHAT AKADEMIK
SEKOLAH PERTANIAN LESTARI
UMS KAMPUS SANDAKAN

- 3 Cik Shahida binti Mohd Sharif
PEMERIKSA 1


SHAHIDA BINTI MOHD. SHARIF
LECTURER/ACADEMIC ADVISOR
SCHOOL OF SUSTAINABLE AGRICULTURE
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

- 4 Dr. Bonaventure Boniface
PEMERIKSA 2


Boniface

- 5 Dr. Sitti Raehanah Muhamad Shaleh
DEKAN SEKOLAH PERTANIAN LESTARI


Mamet

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana penyertaanNya yang indah dalam hidup saya, akhirnya kajian ini berjaya disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Dikesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Abdul Rahim Awang, selaku penyelia yang sentiasa memberi bantuan, nasihat dan sokongan dalam menjayakan kajian ini. Tidak juga dilupakan kepada En. Assis Kamu yang juga membantu menyelia perjalanan kajian saya. Proses penganalisisan data tidak mungkin akan berjaya tanpa bimbingan tegas daripada beliau. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam memberi tunjuk ajar, komen, dan cadangan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Sekalung penghargaan yang tulus ikhlas turut saya tujuarkan kepada En. Anthonius Sani (Pegawai Eksekutif di Unit Sustainable Palm Oil (SPO), Jabatan PSQM, FELDA), yang banyak memberi maklumat berguna dan membantu untuk mengumpulkan responden dalam kajian ini. Di samping itu, saya ingin memberikan ucapan terima kasih saya kepada semua pengurus ladang sawit FGV, Felda Sahabat, Lahad Datu atas kesudian mereka menjadi responden dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah membantu menjayakan kajian ini tanpa mereka sedari. Dorongan, sokongan dan galakan yang diberikan khususnya ahli keluarga dan rakan-rakan sangat bererti bagi saya dalam tempoh melaksanakan kajian ini sehingga berjaya.

ABSTRAK

Persijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) adalah satu pendekatan pengurusan lestari dalam industri sawit. Objektif pendekatan ini adalah untuk memastikan semua industri-industri yang terlibat, beroperasi berteraskan konsep lestari. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui latar belakang atau maklumat demografi para pengurus ladang sawit FGV di Felda Sahabat, Lahad Datu; mengetahui sejauhmana penilaian mereka terhadap teori yang berkaitan dengan pengurusan ladang berteraskan persijilan RSPO; serta mengenalpasti hubungan antara latar belakang para pengurus ladang sawit dengan persepsi mereka terhadap amalan pengurusan ladang berteraskan persijilan RSPO. Kajian ini telah menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas dan pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran borang soal selidik kepada 36 orang responden yang merupakan jumlah keseluruhan pengurus ladang sawit FGV di dalam lokasi kajian. Data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi menerusi perisian SPSS versi 20.0. Hasil kajian mendapat kesemua pengurus ladang sawit mempunyai tahap kesedaran yang tinggi (96.9%) mengenai isu kelestarian alam dan bertanggapan positif mengenai amalan-amalan pengurusan ladang berteraskan persijilan RSPO. Walaubagaimanapun, tahap kefahaman responden mengenai prinsip yang terkandung dalam persijilan RSPO prinsip ke-5 masih pada tahap sederhana (75.6%). Berdasarkan analisis Khi Kuasa Dua, hanya maklumat latar belakang mengenai tempoh berjawatan sebagai pengurus ladang sahaja yang mempunyai hubungan bererti dengan persepsi pengurus ladang mengenai amalan-amalan pengurusan ladang berteraskan persijilan RSPO ($\chi^2(1)=4.693$, $p=0.030$). Secara kesimpulannya, pendedahan maklumat secara formal seperti memberi kursus atau latihan mengenai persijilan RSPO perlu dipergiatkan lagi untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman pengurus ladang. Penambahbaikan dalam hal ini akan meningkatkan tahap kesedaran dan mengubah tanggapan mereka mengenai kepentingan menjaga kelestarian alam di samping memaximumkan produktiviti.

**PERCEPTIONS OF FGV MANAGER'S AT FELDA SAHABAT, LAHAD DATU,
SABAH TOWARDS THE EFFECTIVENESS OF ROUNDTABLE
ON SUSTAINABLE PALM OIL (RSPO) CERTIFICATION
IMPLEMENTATION IN ENVIRONMENTAL
SUSTAINABILITY ISSUE**

ABSTRACT

Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) Certification is a sustainable management approach in oil palm industry. The objective of this certification is to ensure that all parties involved either directly or indirectly in oil palm industry run their operations based on sustainable concept. This study was conducted to determine the background or demographic information of Felda Global Venture (FGV) managers Felda Sahabat, Lahad Datu; to know their level of knowledge and understanding in theories aspect of field practices management; and to identify the relationship between their background and their perceptions of field practice management based on RSPO certification concept. This study was using cross-sectional survey method, and data collection was done by distributing questionnaires to all 36 FGV managers in the study area as respondent. The data collected were analysed using descriptive statistics and inferential statistics using SPSS version 20.0. From the results showed that all respondents had high level of awareness (96.9 %) on the issue of sustainability and had positive perceptions towards management practices in field based on the RSPO certification. However, the level of respondents' theoretical understanding on the concepts or terms in RSPO certification was still at a moderate level (75.6 %). Based on the Chi Square analysis, the duration of experience as a manager of the respondents was significantly different on their perception toward field management practices based on RSPO certification ($\chi^2(1)=4.693$, $p=0.030$). Based on finding, it can be conclude that provision on formal courses as training to the FGV managers should be able to improve the level of theoretical and practical knowledge and understanding. Increase in the level of knowledge and understanding would increase the awareness and commitment and hence, will affect their perceptions about the importance of maintaining sustainability while ensuring maximum productivity.

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
DIPERAKUKAN OLEH	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SIMBOL, UNIT, SINGKATAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Kepentingan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Soalan Kajian	4
BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN	
2.1 Status Isu Alam Sekitar dan Biodiversiti dalam Industri Sawit	5
2.2 Potensi Industri Sawit Menjaga Alam Sekitar dan Memulihara Sumber Asli dan Biodiversiti	7
2.3 Prinsip ‘Amalan Pengurusan Baik’ (APB): Inisiatif Pemuliharaan Alam yang Berkesan dalam Industri Sawit	8
2.3.1 Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM)	9
2.3.2 Pengurusan Sisa Buangan (<i>Biomass</i>) Sawit	9
2.3.3 Pengurusan Kesan Rumah Hijau	10
2.4 Felda Global Venture (FGV): Peranan dan Sumbangan dalam Industri Sawit di Malaysia	12
2.5 Persijilan RSPO: Inisiatif mengurus Ladang Sawit Secara Lestari	12
2.5.1 Prinsip 5 RSPO: Tanggungjawab kepada Alam Sekitar dan Pemuliharaan Terhadap Sumber Asli dan Biodiversiti	14
2.5.2 Cabaran dalam Memastikan P&C RSPO Sentiasa Dipatuhi	15
2.6 Pengaruh Pengurus Ladang dalam Isu Kelestarian Alam	16
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	18
3.2 Reka Bentuk Kajian	18
3.3 Lokasi Kajian	19
3.4 Populasi Kajian	20
3.5 Instrumen Kajian	20
3.5.1 Bahagian A: Makumat Latar Belakang Respondent	21
3.5.2 Bahagian B: Persepsi Responden Mengenai Teori Berhubung Dengan Isu Kelestarian Alam	22
3.5.3 Bahagian C: Persepsi Responden Berhubung dengan Amalan Kerja Mereka di Ladang	22
3.6 Prosedur Kajian	23
3.6.1 Tinjauan Awal	24
3.6.2 Pembentukan Borang Soal Selidik	24
3.6.3 Pra-Ujian Borang Soal Selidik	25

3.6.4	Ujian Kesahihan Borang Soal Selidik	25
3.6.5	Ujian Kebolehpercayaan Borang Soal Selidik	26
3.7	Pengumpulan Data	27
3.8	Analisis Data	27
3.8.1	Statistik Deskriptif	28
3.8.2	Statistik Inferensi	28
BAB 4 KEPUTUSAN		
4.1	Pengenalan	30
4.2	Deskriptif Statistik	30
4.2.1	Latar Belakang Responden	30
4.2.2	Persepsi Responden Tentang Teori-Teori dalam Pengurusan Ladang Sawit	32
4.2.3	Persepsi Responden Tentang Amalan dalam Pengurusan Ladang Sawit	32
4.3	Statistik Inferensi	34
4.3.1	Hubungan Kategori Pendidikan dan Status Persijilan RSPO	34
4.3.2	Hubungan Kategori Pengalaman sebagai Pengurus Ladang dan Status Persijilan RSPO	35
4.3.3	Hubungan Persepsi Terhadap Amalan Ladang dan Latar Belakang Responedn	36
BAB 5 PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	37
5.2	Keberkesanan Persijilan RSPO dalam Meningkatkan Kesedaran Mengenai Isu Kelestarian Alam Sekitar Secara Teori	37
5.2.1	Kesan Penyampaian Maklumat Secara Formal Keatas Penilaian Mengenai Persijilan RSPO Prinsip Ke-5 Secara Teori	38
5.2.2	Pengaruh Tahap Pengetahuan Keatas Penilaian Mengenai Persijilan RSPO Prinsip Ke-5 Secara Teori	39
5.2.3	Pengaruh Tahap Kefahaman Keatas Penilaian Mengenai Persijilan RSPO Prinsip Ke-5 Secara Teori	41
5.3	Impak Latar Belakang Para Pengurus Ladang Terhadap Persepsi Mereka Mengenai Amalan Pengurusan Ladang Berteraskan Persijilan RSPO	43
5.3.1	Pengaruh Tahap Pendidikan Para Pengurus Ladang Terhadap Persepsi Mengenai Amalan Pengurusan Ladang Berteraskan Persijilan RSPO	44
5.3.2	Pengaruh Tempoh Pengalaman Sebagai Pengurus Ladang Terhadap Persepsi Mengenai Amalan Pengurusan Ladang Berteraskan Persijilan RSPO	45
5.3.3	Pengaruh Umur Pengurus Ladang Terhadap Persepsi Mengenai Amalan Pengurusan Ladang Berteraskan Persijilan RSPO	46
BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN		
RUJUKAN		47
LAMPIRAN		51
		56

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
2.1 Senarai prinsip-prinsip yang terkandung di dalam RSPO	13
2.2 Senarai kriteria-kriteria yang termaktub di dalam prinsip ke-5 RSPO	14
3.1 Statistik kawasan penanaman sawit Felda di seluruh Malaysia	20
3.2 Bentuk soalan bahagian A	21
3.3 Pengertian bagi skala Likert	23
3.4 Keputusan ujian kebolehpercayaan borang soal selidik pra-ujian	27
3.5 Analisis perhubungan antara pembolehubah terpilih	29
4.1 Maklumat latar belakang para pengurus ladang	31
4.2 Status pendedeahan responden terhadap persijilan RSPO	31
4.3 Taburan data persepsi responden tentang amalan yang mereka amalkan di dalam pengurusan ladang sawit	32
4.4 Taburan tahap pengetahuan dan status pemahaman responden mengenai istilah atau konsep yang terkandung di dalam persijilan RSPO, prinsip ke-5	33
4.5 Taburan data kolerasi kategori pendidikan dan status persijilan RSPO	34
4.6 Taburan data kolerasi kategori pengalaman sebagai pengurus dan status persijilan RSPO	35
4.7 Taburan data kolerasi kategori diantara persepsi responden dengan latar belakang mereka	36

SENARAI SIMBOL, UNIT DAN SINGKATAN

%	Peratusan
>	Ke Atas
≤	Sama Dan Ke Bawah
3R	Konsep <i>Reduce, Recycle Dan Reuse</i>
CPO	<i>Crude Palm Oil</i>
EFB	Empty Fruit Bunch
EIA	<i>Environmental Impact Assessment</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FGV	<i>Felda Global Venture</i>
FHB	Felda Holdings Bhd
HCV	<i>High Conservation Value</i>
IPM	<i>Intergrated Pest Management</i>
Md	Median
n	Bilangan
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
p	Nilai Aras Keertian
P&C	Prinsip Dan Kriteria
POME	<i>Palm Oil Mill Effluent</i>
PPF	<i>Palm Pressing Fibre</i>
RSPO	<i>Roundtable On Sustainable Palm Oil</i>
SEIA	<i>Social And Environment Impact Assessment</i>
SPO	<i>Sustainable Palm Oil</i>
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
U	<i>Mann-Whitney U</i>
USD	<i>United State Doller</i>
χ^2	Khi Kuasa Dua

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Sawit (*Elaeis Guineensis*) ialah tanaman jenis kekal yang berasal dari Afrika Barat. Sawit adalah tanaman sangat bererti untuk diusahakan berdasarkan dapatan dari beberapa kajian terdahulu mengenai peningkatan permintaan produk sawit dalam pasaran dunia yang sangat memberansangkan (Dimelu dan Anyaiwe, 2011; Nelson *et al.*, 2010; Tan *et al.*, 2009; Basiron, 2006; Mohd Basir *et al.*, 2005). Produk utama dagangan sawit ialah minyak sawit (*Crude Palm Oil*) dan minyak dari isirung sawit (*Palm Kernel Oil*). Kedua-dua produk ini merupakan antara sumber bahan mentah dalam industri makanan dan *biodiesel* (Tan *et al.*, 2009; Wijono *et al.*, 2003) dunia. Sawit mampu menghasilkan lebih daripada 4000 liter *biodiesel* per hektar berbanding dengan tanaman lain (Saleh dan Rajanaidu, 2011). Pengeluaran minyak sawit dunia meningkat sebanyak 9% setiap tahun adalah kerana permintaan pasaran yang tinggi terhadap *biodiesel* di Kesatuan Eropah (European Commission, 2006) dan bahan makanan di Indonesia, India dan China (Clay, 2004).

Sejak kebelakangan ini, konsep lestari sering diketengahkan dan dikaitkan dalam pembangunan industri sawit. Badan-badan bukan kerajaan (NGO) menyatakan bahawa perkembangan industri sawit telah membawa impak negatif pada kestabilan ekosistem alam semula jadi seperti kemerosotan sumber asli dan biodiversiti dan seterusnya mendarangkan masalah kepada kesejahteraan sejagat (Sophie dan Syahrial, 2010; Tan *et al.*, 2009). Ekoran daripada kesedaran akan pentingnya hidup dalam persekitaran yang sejahtera, semakin ramai penyelidik yang mengkaji dan

mengetengahkan pelbagai konsep untuk merangsang kejayaan pendekatan '*environmentally friendly*' dalam pembangunan industri sawit. Nelson *et al.*, (2010) menegaskan bahawa penanaman sawit perlu bersifat lebih ekonomik dan lestari. Walaupun begitu, persoalan bagaimana hendak melaksanakan pengeluaran minyak sawit secara lestari dan bersifat mesra alam adalah satu persoalan yang kritikal (Fitzherbert *et al.* 2008; Koh *et al.* 2008).

Secara umumnya, semua agensi yang prihatin terhadap perkembangan industri sawit dan isu kelestarian alam menganggap persijilan *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) adalah satu pendekatan yang membolehkan mereka mengurus ladang sawit secara lestari (Lee *et al.*, 2011). Persijilan RSPO adalah satu persijilan yang tidak berteraskan keuntungan, tetapi memperkenalkan dan mengetengahkan konsep lestari dalam pengurusan penanaman, penyelenggaraan dan pengeluaran minyak sawit (Thongrak dan Kiatpathomchai, 2012; Klara Århem, 2011; Tan *et al.*, 2009).

1.2 Pernyataan Masalah

Industri sawit pada masa kini sangat sinonim dengan impak negatif terhadap kelestarian alam, namun begitu industri ini juga mempunyai potensi untuk dibangunkan dan membantu dalam memastikan keseimbangan alam sekitar dapat dikenalkan untuk generasi seterusnya. Antara perkara penting yang terkandung dalam persijilan RSPO ialah semua pihak perlu bertanggungjawab menjaga alam sekitar, memelihara sumber asli dan biodiversiti dalam dan semasa operasi disepanjang rantaian hiliran produk sawit. Iaitu bermula dari operasi diperingkat ladang sehingga kepada tangan pengguna.

Berdasarkan kepada keperluan objektif kajian, kajian persepsi disifatkan sebagai kajian kuantitatif jenis tinjauan. Kajian jenis ini sesuai untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Majid, 2000) dan untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan tentang status terkini mengenai bidang yang hendak dikaji (Gay, 1992).

Secara umumnya, setakat ini masih kurang kajian yang dilakukan tentang persepsi pengurus ladang mengenai impak pengurusan mereka terhadap kelestarian alam. Kajian mengenai keberkesanan pembentukan persijilan RSPO untuk mengatasi isu kelestarian alam dalam industri sawit juga masih kurang dilakukan. Oleh itu kajian

perlu dilaksanakan untuk melihat sejauh mana pengurus ladang celik akan konsep lestari dan keselarasan amalan pengurusan mereka dengan tuntutan persijilan RSPO. Melalui pengenalpastian ini, dapat dilihat bagaimakah peranan pengurus ladang mencorak pentabdiran ladang dibawah jagaan mereka memberi kesan terhadap pembangunan industri sawit dan isu kelestarian alam sekitar.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi maklum balas mengenai keberkesanan perlaksanaan RSPO bukan sahaja secara teori tetapi juga secara praktikalnya terhadap isu tanggungjawab kepada alam sekitar dan pemuliharaan terhadap sumber asli dan biodiversiti. Alam sekitar adalah satu asset yang tidak ternilai. Kesejahteraan alam sekitar sangat berkait rapat dengan perubahan peradapan manusia. Alam sekitar perlu dijaga dan dikekalkan kelestariannya kerana ia menyediakan pelbagai sumber asas keperluan untuk kesejahteraan manusia seperti udara dan air yang bersih, kesuburan tanah dan sumber bahan mentah untuk makanan, minuman, perubatan dan industri.

Fokus kajian ini adalah seperti kajian persepsi yang dijalankan oleh Teo *et al.* (2006), iaitu untuk meneliti persepsi responden terhadap keberkesanan perlaksanaan dan manfaat yang diterima daripada subjek kajian. Menerusi kajian ini, kesan daripada corak amalan pengurusan ladang yang kini digunakan terhadap kesejahteraan sejagat dapat dikenalpasti. Secara amnya, kajian ini dapat dijadikan sebagai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga dan memulihara alam sekitar untuk kelangsungan hidup yang sejahtera.

Selain itu, diharapkan dapatan kajian ini menjadi panduan kepada pihak yang bertanggungjawab untuk memikirkan alternatif baru bagi meningkatkan tahap kesedaran mengenai kelestarian alam dan mempromosikan amalan-amalan pengurusan yang dikenal pasti mempunyai ciri-ciri seiringan dengan objektif perlaksanaan RSPO di kalangan pihak pengurusan ladang. Konsep penilaian dibincangkan berdasarkan maklum balas dan keputusan daripada perkara atau faktor yang dikawal (Snyder *et al.*, 1980).

1.4 Objektif Kajian

Tiga objektif utama yang digariskan dalam kajian ini iaitu;

- i. Untuk mengetahui latar belakang atau maklumat demografi para pengurus ladang sawit Felda Global Venture (FGV) di Felda Sahabat, Lahad Datu;
- ii. Untuk mengetahui sejauhmana persepsi dari segi pengetahuan dan kefahamana mereka terhadap amalan-amalan pengurusan ladang berteraskan prinsip dan kriteria dalam persijilan RSPO; dan
- iii. Untuk mengenalpasti hubungan antara latar belakang para pengurus ladang sawit dengan persepsi mereka terhadap amalan pengurusan ladang berteraskan prinsip dan kriteria dalam persijilan RSPO.

1.5 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan berpandukan kepada soalan kajian seperti berikut;

- i. Apakah latar belakang atau maklumat demografi para pengurus ladang sawit FGV di kawasan Felda Sahabat, Lahad Datu?
- ii. Bagaimanakan corak penilaian mereka terhadap teori yang terkandung dengan persijilan RSPO, prinsip ke-5?
- iii. Mengapakah corak penilaian seperti (ii) berlaku?
- iv. Bagaimanakah pendekatan persijilan RSPO memberi impak pada tahap kesedaran pengurus ladang mengenai isu alam sekitar dalam industri sawit?
- v. Apakah hubungan antara latar belakang dengan persepsi mereka terhadap amalan pengurusan ladang berteraskan persijilan RSPO?
- vi. Bagaimanakan hubungan (v) mempengaruhi keberkesanan persijilan RSPO dalam usaha menjaga alam sekitar, memelihara sumber asli dan biodiversiti?

BAB 2

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Status Isu Alam Sekitar dan Biodiversiti dalam Industri Sawit

Perkembangan industri sawit tidak dapat dielakkan lagi kerana ia berpotensi untuk menjadi sumber bekalan minyak mentah kepada populasi dunia yang kini semakin meningkat memandangkan kadar perahan minyak yang tinggi berbanding tanaman lain untuk satu kawasan penanaman yang mempunyai keluasan yang sama (Basiron, 2006). Menggantikan kawasan hutan yang mempunyai nilai karbon dan kepelbagai hidupan (biodiversiti) yang tinggi untuk penanaman sawit secara *monoculture* adalah satu usaha untuk mengurangkan penggunaan bahan api fosil, tetapi usaha ini telah membawa kemudarat kepada alam sekitar seperti penurunan nilai biodiversiti dan perubahan iklim (Danielsen *et al.*, 2008). Impak terhadap alam sekitar dan biodiversiti berlaku ekoran daripada ketidakupayaan kebanyakan species flora dan fauna hutan untuk meneruskan kehidupan di dalam kawasan penanaman sawit secara *monoculture*. Hidupan ini memerlukan persekitaran hutan untuk menyokong kehidupan mereka (Sophie dan Anhar, 2010)

Pembukaan kawasan hutan untuk penanaman sawit telah menyebabkan komponen-komponen utama tumbuhan hutan seperti pokok hutan, orkid hutan dan flora lain yang memerlukan hutan sebagai rumah untuk bertumbuh, sama sekali tidak lagi wujud di dalam kawasan perladangan sawit. Lebih malang lagi, tidak ada tandanya yang menunjukkan bahawa species flora ini akan tumbuh lagi di dalam kawasan perladangan sawit (Danielsen *et al.*, 2008). Maddox *et al.* (2007) juga telah mengenal pasti bahawa, sebanyak 34 daripada 38 mamalia bersaiz sederhana dan besar tidak didapati lagi di dalam kawasan perladangan sawit, contohnya seperti *Panthera tigris*

sumatrae dan *Neofelis nebulosa*. Selain itu hanya 31.0 peratus populasi spesis interbrata yang wujud di dalam ladang sawit sama dengan populasi spesis interbrata yang hidup di dalam kawasan hutan (Danielsen *et al.*, 2008). Interbrata sangat penting dalam ekosistem, ia berperanan sebagai agen pendebungaan dan terlibat secara langsung dalam pembangunan produktiviti sawit (Sophie *et al.*, 2011).

Selain masalah penurunan nilai biodiversiti, industri ini juga turut dikaitkan dengan isu kesan pembebasan gas rumah hijau terhadap pemanasan global. Industri sawit membebaskan gas karbon dioksida dan metana dengan kadar yang tinggi dalam atmosfera. Telah dikenalpasti bahawa pembebasan gas ini menyebabkan berlakunya perubahan iklim akibat pemanasan global. Kawasan penanaman sawit yang dahulunya adalah hutan menyimpan kandungan karbon kurang daripada sebelumnya. Hasil daripada kajian, kandungan karbon atas tanah di dalam kawasan ladang sawit hanyalah sebanyak 39 tan metrik C/ha. Nilai ini menunjukkan dengan ketaranya penurunan kandungan karbon di dalam ladang sawit jika dibandingkan dengan kandungan yang terdapat di dalam hutan. Dua kawasan hutan di Sumatera dan Kalimantan mengandungi berat kandungan karbon di antara 175 ke 250 tonnes C/ha (Dewi *et al.*, 2009). Kekurangan kandungan karbon atas tanah akan meningkatkan pelepasan gas karbon dioksida ke udara menerusi peroses penukaran gas.

Ten dan Murtedza (2002) menulis dalam kajian mereka, *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah menganalisis bahawa pembukaan kawasan tanah gambut untuk penamanan sawit telah menyebabkan kehilangan biodiversiti, pelepasan gas karbon dioksida, masalah dalam sistem saliran dan kesan ke atas paras air bawah tanah. Secara kesimpulannya, pembukaan kawasan hutan untuk penanaman sawit meningkatkan aktiviti penebangan hutan. Hal ini secara tidak langsung memusnahkan banyak flora dan fauna (penurunan biodiversiti) khususnya di kawasan tropika (Koh dan Wilcove 2008, 2007; Donald, 2004) dan memberi impak besar kepada nilai karbon global (Danielsen *et al.*, 2008). Satu hektar kawasan hutan dibuka untuk penanaman sawit bersamaan dengan kerugian (dampak kepada alam sekitar) yang jauh lebih besar daripada aktiviti pembalakan untuk hektar yang sama (Wilcove dan Koh, 2010).

2.2 Potensi Industri Sawit Menjaga Alam Sekitar dan Memulihara Sumber Asli dan Biodiversiti

Tinjauan terhadap biodiversiti flora dan fauna (burung, rama-rama dan mamalia seperti *Felis bengalensis*) di kawasan kelapa sawit menunjukkan catatan populasi yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa perladangan sawit mampu mengelakkan biodiversiti dan menjaga flora dan fauna (Tan *et al.*, 2009).

Sesetengah spesis fauna hutan seperti semut, lebah dan rama-rama, mencatatkan jumlah populasi yang tinggi di dalam kawasan ladang sawit berbanding di dalam hutan (Danielsen *et al.*, 2008). Sembilan spesis semut yang terdapat di dalam ladang sawit tidak pernah diperhatikan dalam kawasan hutan (Brühl, 2001). Di Sabah, komuniti semut *yellow crazy ant* (*Anoplolepis gracilipes*) telah mendominasi kawasan perladangan sawit (Brühl, 2001; Pfeiffer dan Ho, 2008). Tetapi peningkatan populasi semut ini telah direkodkan membawa kesan negatif kepada kepelbagaiannya jenis hidupan lain dan dalam proses ekologi, yang mana boleh mengakibatkan '*ecological meltdowns*' (Brühl dan Eltz, 2009). Namun demikian semut jenis *ground-dwelling ant* dalam ladang sawit amat penting dalam proses kitaran nutrient. Semut ini boleh bertindak sebagai *bioturbation* atau '*ecosystem engineers*' (Wilson 2000; Folgarait, 1998; Jones *et al.*, 1994; Gunadi dan Verhoef 1993) dan pemangsa kepada serangga arthropods (Hölldobler dan Wilson, 1990).

Perkembangan populasi kumbang di dalam kawasan perladangan sawit juga adalah sangat ketara. Kini kumbang menjadi pemangsa yang dominan di dalam kawasan sawit (Davis dan Philips, 2005; Chung *et al.* 2000).

Aratrakorn *et al.* (2006) mendapati beberapa spesis burung dijumpai dengan banyaknya di dalam ladang sawit berbanding bilangan spesis tersebut di dalam hutan menerusi perbandingan yang dijalankannya di kawasan perladang kelapa sawit di Thailand. Sebanyak 3,281 ekor burung dari 72 spesis burung (23 spesis burung hutan, tujuh spesis burung di kawasan bakau, dan 14 adalah terdiri daripada spesis burung yang berhijrah (*migratory species*), telah dikenal pasti berlegar di ruang angkasa kawasan perladangan sawit (Asrulsani *et al.*, 2012).

Populasi flora *pteridophytes* adalah tinggi di dalam ladang sawit. *Pteridophytes* didefinisikan sebagai mana-mana bahagian tumbuhan vaskular (seperti pakis) yang mempunyai akar, batang, dan daun tetapi kurang menghasilkan bunga atau buah (Miranda, 2000). Tumbuhan ini hadir dengan suburnya di dalam kawasan ladang sawit seperti di kawasan ladang yang kosong, tepi jalan, dan kawasan ladang selepas aktiviti membakar (Danielsen *et al.*, 2008).

Hasil dari beberapa kajian, para penyelidik telah membuat kesimpulan bahawa kawasan ladang sawit mempunyai peranan yang sangat penting dalam kelestarian biodiversiti. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan dalam industri ini seperti penanaman pokok *Alstonia pneumatophore* (pulai), *Palaquium spp.* (mayang), *Shorea spp.* (meranti merah dan meranti batu) dan *Callophylum spp.* (bintangur) (Lim *et al.*, 2012) dalam kawasan ladang supaya pokok ini boleh menjadi habitat flora tumpang dan sumber makanan kepada fauna.

2.3 Prinsip 'Amalan Pengurusan Baik' (APB): Inisiatif Pemuliharaan Alam yang Berkesan dalam Industri Sawit

Pemuliharaan bermaksud melindungi sumber semulajadi alam dengan tidak membenarkan sesuatu dibuang, dirosakkan dan dimusnahkan (Miranda, 2000). Menerusi definisi ini jelas mengambarkan, aplikasi sistem pengurusan yang efektif untuk melindungi keaslian dan tidak mensia-siakan alam adalah perlu dalam semua bidang, khususnya dalam industri sawit.

APB merupakan satu pendekatan yang perlu diamalkan bermula dari proses penuaian di peringkat ladang sehingga ke proses pemprosesan di peringkat kilang sawit. Amalan ini menggunakan pendekatan yang mesra alam seperti pembakaran sifar, pemuliharaan habitat hidupan liar, pengurusan perosak secara bersepadu dan pengurusan sisa pembuangan sifar (Tan *et al.*, 2009). Semua pendekatan ini merupakan langkah kanan dalam usaha mengurangkan kos penyelenggaraan disamping dapat menjaga produktiviti sawit kerana pendekatan ini bersifat ekonomik dan memberi kesan yang berpanjangan. Pendekatan APB juga secara tidak langsung menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar.

2.3.1 Pengurusan Perosak Bersepadu

